

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 17 JUN 2022
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 9

Tidak perlu tubuh parti wakili peneroka FELDA



Tidak perlu tubuh parti wakili peneroka FELDA

Jempol: Tiada keperluan menubuhkan parti politik baharu mewakili peneroka FELDA, sebaliknya wakil rakyat dari kawasan berkenaan boleh memainkan peranan mewakili suara peneroka.

Pengerusi Pertubuhan Satu Silaturahim Anak Felda (1SAF), Mohammad Yahya Zakaria, berkata ketika ini terdapat 54 Parlimen yang mempunyai tanah rancangan FELDA di seluruh negara dengan diwakili Ahli Parlimen daripada pelbagai parti politik.

Katanya, setiap wakil rakyat sama ada pada peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN) atau Parlimen turut mewakili suara penduduk di Mohammad Yahya FELDA dan ada isu yang dibawa ke sidang Parlimen.

"Biarpun menuah parti baharu adalah hal setiap individu, perlu ada penjelasan mengapa parti baharu yang didakwa mewakili masyarakat FELDA itu perlu diwujudkan."

"Adakah mahukan kuasa sama ada di Parlimen atau DUN atau terdapat kekecewaan berkaitan hala tuju dan pentadbiran FELDA? Sekiranya disebabkan ke-

cewaan, tiada keperluan mewujudkan parti politik berkenaan, sebaliknya peneroka atau generasinya boleh bergabung dalam membawa suara dan isu berkaitan FELDA ke pihak atas," katanya dalam kenyataan.

Mohammad Yahya berkata, ketika ini sudah banyak pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan organisasi ditubuhkan bagi membawa suara peneroka dan generasinya ke peringkat tertinggi.

Beliau yang juga generasi kedua FELDA Pasoh Dua berkata, apabila parti bahru wujud, dikhawatir bukan sahaja berlaku perpecahan undi, malah lebih teruk berlaku perpecahan dalam kalangan masyarakat di rakan di tanah rancangan FELDA.

Jelasnya, ADUN atau Ahli Parlimen di kawasan yang mempunyai tanah rancangan FELDA perlu memberi perhatian kepada isu yang dibawa oleh masyarakat FELDA.

Kelmarin, media melaporkan hasrat tokoh korporat, Tan Sri Rozali Ismail untuk menyertai bidang politik melalui penubuhan parti baharu, bagi mewakili generasi peneroka, terutama penduduk FELDA.

